Nama :..... Kelas :.....

3756/2
Prinsip Perakaunan
Kertas 2
Oktober 2024
2 jam 30 min

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

TAHUN 2024 M / 1446 H

PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian* : **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
2. *Jawab* **semua** *soalan di* **Bahagian A** *dan* **dua** *soalan daripada* **Bahagian B.**
3. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
4. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak diprogram.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	25	
	3	25	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

©2024 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

Bahagian A
[60 markah]
Jawab **semua** soalan

1. (a) Berdasarkan situasi di bawah, nyatakan prinsip perakaunan yang tidak dipatuhi oleh peniaga. [2 markah]

   (i) Sewa belum terperoleh dan gaji belum bayar tidak diambil kira semasa menentukan keuntungan dalam Penyata Kewangan.

   (ii) Puan Maira menukarkan kaedah pengiraan susut nilai Aset Bukan Semasa daripada kaedah baki berkurangan kepada kaedah garis lurus.

   (b) Lengkapkan jadual berikut:

	Catatan Kontra	Akaun Berkaitan
(i)	Peruntukan Hutang Ragu	
(ii)		Akaun Modal

[2 markah]

   (c) Nyatakan dokumen perniagaan yang terlibat dalam setiap urus niaga berikut:

	Urus Niaga	Dokumen
(i)	Bayar kadar bayaran dengan cek	
(ii)	Beli aset bukan semasa secara kredit	

[2 markah]

   (d) Nyatakan akaun yang perlu didebit dan dikredit bagi urus niaga berikut: [2 markah]

Mengeluarkan barang niaga untuk tujuan promosi

   (e) Nyatakan sama ada akaun-akaun berikut mempunyai baki debit atau baki kredit: [2 markah]

   (i) Akaun Insurans

   (ii) Akaun Pinjaman Bank

2. Mail dan Totey ialah pekongsi dalam sebuah firma Perkongsian MT. Ikatan perjanjian perkongsian mereka menyatakan syarat yang berikut:
   (i) Faedah atas modal dibayar 5% setahun
   (ii) Faedah atas ambilan dikenakan 10% setahun
   (iii) Faedah atas pinjaman ialah 8% setahun
   (iv) Mail selaku pengurus dibayar gaji bulanan RM400
   (v) Untung atau rugi dikongsi antara Mail dan Totey mengikut nisbah 3:2

   Petikan Imbangan Duga yang berikut diperoleh daripada buku perkongsian tersebut pada 31 Mac 2024.

Imbangan Duga pada 31 Mac 2024

	Debit RM	Kredit RM
Perabot	22 000	
Peruntukan hutang ragu		720
Faedah atas pinjaman	500	
Kenderaan	45 000	
Untung kasar		137 260
Gaji Mail	6 000	
Kadar bayaran	3 580	
Gaji pekerja	24 500	
Sewa	8 400	
Ambilan Mail	1 400	
Ambilan Totey	2 600	
Akaun belum terima dan akaun belum bayar	10 200	16 210
Inventori pada 1 April 2023	29 200	
Komisen diterima		290
Insurans	2 400	
Bank	139 980	
Susut nilai terkumpul perabot		4 400
Susut nilai terkumpul kenderaan		4 500
Hutang lapuk	860	
Modal pada 1 April 2023 Mail		60 000
Modal pada 1 April 2023 Totey		40 000
Akaun Semasa pada 1 April 2023 Mail	320	
Akaun Semasa pada 1 April 2023 Totey		3 560
Pinjaman daripada Mail		30 000
	296 940	296 940

Maklumat tambahan:

(i) Gaji pekerja belum bayar RM850.
(ii) Satu pertiga daripada insurans ialah prabayar.
(iii) Kadar bayaran prabayar RM400.
(iv) Peruntukan hutang ragu 5% atas Akaun Belum Terima.
(v) Komisen belum terima RM330.
(vi) Kadar susut nilai adalah seperti berikut:
- Perabot : 10% setahun atas kos.
- Kenderaan : 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

(vii) Pinjaman daripada Mail diperoleh pada 1 Oktober 2023.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2024. [10 markah]
(b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2024. [8 markah]
(c) Akaun Semasa Pekongsi. [7 markah]

3. Maklumat berikut diambil daripada Syarikat Seri Banu pada 31 Disember 2024.

	RM
Inventori 1 Jan 2024:	
Bahan langsung	21 054
Barang siap	10 022
Alat-alat kecil	523
Kerja dalam proses	9 600
Belian bahan langsung	113 500
Angkutan masuk	2 300
Gaji penyelia kilang	32 400
Jualan barang siap	480 000
Alatan pejabat	30 000
Susut nilai terkumpul alatan pejabat	6 000
Belian alat-alat kecil	1 210
Belanja am	5 420
Pulangan belian bahan langsung	4 000
Gaji buruh langsung	28 450
Sewa kilang	13 000
Loji dan mesin	100 000
Susut nilai terkumpul loji dan mesin	20 000
Utiliti kilang	6 100
Insurans kilang	4 600

Maklumat tambahan:

(i) Inventori pada 31 Disember 2024:

	RM
Bahan langsung	25 080
Barang siap	6 600
Alat-alat kecil	1 200
Kerja dalam proses	7 760

(ii) Gaji buruh langsung masih belum bayar RM3 000.

(iii) Loji dan mesin disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

(iv) 75% belanja am adalah untuk kilang.

(v) Sewa kilang termasuk sewa bulan Jan 2025.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. [18 markah]

(b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. [7 markah]

Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

Bahagian B
[40 markah]
Jawab **dua** soalan sahaja

4. Maklumat berikut merupakan baki-baki akaun yang diambil daripada buku Syarikat Hanny pada 31 Disember 2024.

	RM		RM
Modal pada 1 Januari 2024	53 980	Kadar bayaran	1 240
Ambilan	320	Komisen diterima	660
Tunai	240	Diskaun diberi	260
Bank	6 970	Akaun belum bayar	2 570
Belian	20 220	Premis	70 700
Jualan	52 700	Gaji	6 000
Kelengkapan kedai	12 400	Inventori 1 Januari 2024	2 500
Angkutan keluar	360	Akaun belum terima	4 530
Pulangan belian	310	Sewa diterima	12 600
Pulangan jualan	270	Belanja runcit	1 660
Upah	600	Pinjaman	10 000
Dividen diterima	450	Alatan pejabat	5 00

Anda dikehendaki menyediakan Imbangan Duga pada 31 Disember 2024.
[20 markah]

5. Urus niaga yang berikut berlaku sepanjang bulan Mei 2024 bagi Kedai Runcit Maynard.

Mei 1 Baki tunai di tangan RM400.
Overdraf bank RM2 000.
4 Beli barang daripada Kedai Preity secara kredit RM1 200.
6 Jual barang kepada Arif dan terima tunai RM800. Sebanyak RM300 dibankkan. Bakinya disimpan di pejabat.
8 Bayar kadar bayaran dengan tunai RM500.
9 Bayar Jasmin Enterprise dengan cek RM900 untuk menjelaskan sepenuhnya hutang RM940.
12 Terima cek daripada Kedai John RM650 untuk menjelaskan sepenuhnya hutang RM700.
14 Ambil barang RM130 untuk kegunaan peribadi.
18 Terima cek daripada Eric Enterprise RM10 500. Berinya diskaun RM90.
19 Cek yang diterima daripada Kedai John pada 12 Mei ditanda "Rujuk kepada Penyuruh Bayar". Diskaun diberi dibatalkan.

20 Menerima komisen dengan cek daripada pembekal Cinta RM360.
21 Jualan kepada Ayeesha secara kredit RM3 200.
22 Jualan tunai kepada Rahima RM1 100.
23 Pindahkan tunai ke dalam bank RM1 200.
24 Keluarkan cek untuk membayar insurans peribadi RM380.
26 Bayar gaji pekerja Easther dengan cek RM1 800.
28 Jualan kepada Jeslin secara kredit RM200.
29 Mengeluarkan cek untuk membeli komputer pejabat RM3 400.
30 Keluarkan wang dari bank untuk kegunaan perniagaan RM500.

Anda dikehendaki:

(a) Pilih urus niaga yang berkaitan dan rekodkan ke dalam Buku Tunai 3 lajur (Lampiran 1).
(b) Imbangkan Buku Tunai dan tunjukkan bakinya pada bulan depan.

[20 markah]

6. Pada 1 Januari 2024, Syarikat Leon Bhd telah menerbitkan 1 000 000 unit 8% Syer Keutamaan berharga RM2 sesyer dan 500 000 unit syer biasa berharga RM1 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Anda dikehendaki menyediakan:

(i) Modal diterbitkan dan berbayar penuh. [2 markah]
(ii) Rekod terbitan syer ke dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan). [8 markah]
(iii) Akaun Permohonan 8% Syer Keutamaan [2 markah]
(iv) Akaun Modal 8% Syer Keutamaan. [1 markah]
(v) Akaun Permohonan Syer Biasa. [2 markah]
(vi) Akaun Modal Syer Biasa. [1 markah]
(vii) Akaun Bank [2 markah]
(viii) bahagian ekuiti pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024. [2 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Lampiran 1

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Disk.	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Disk.	Tunai	Bank
		RM	RM	RM			RM	RM	RM